



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Kesalahan Pilihanraya (Pindaan) 1986
DR.6/1986

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Kesalahan Pilihanraya 1954.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kesalahan Pilihanraya (Pindaan) 1986. Tajuk ringkas.
2. Seksyen 2 Akta Kesalahan Pilihanraya 1954, yang dalam Akta ini disebut sebagai “Akta ibu”, adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja takrif “Hakim Pilihanraya”, takrif baru yang berikut:
““hari mengundi” berhubungan dengan sesuatu pilihanraya ertinya tempoh, yang mungkin berlanjutan selama satu hari atau lebih, yang bermula dari permulaan hari pungutan undi dalam pilihanraya itu dijadual untuk dimulakan dan berakhir pada masa perisytiharan oleh pegawai pengurus akan keputusan pilihanraya itu.”.
3. Seksyen 12 Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 12.
 - (a) dengan memasukkan, selepas sahaja seksyen-kecil (5), seksyen-kecil baru (5A) yang berikut:
“(5A) Sehingga nama dan alamat seorang ejen pilihanraya yang lain telah diisytiharkan sebagaimana dikehendaki oleh seksyen-kecil

(4), calon itu hendaklah disifatkan, dari masa penarikan balik perlantikan ejen pilihanraya yang berkenaan itu atau dari masa kematiannya, sebagai telah melantik dirinya sendiri sebagai ejen pilihanraya.”; dan

(b) dengan memasukkan, selepas sahaja seksyen-kecil (6), seksyen-kecil baru (6A) yang berikut:

“(6A) Jika seseorang calon itu disifatkan di bawah seksyen-kecil (5) atau (5A) sebagai ejen pilihanrayanya sendiri, maka alamatnya dalam bahagian pilihanraya yang baginya ia hendak dipilih, sebagaimana dinyatakan dalam kertas penamaannya, hendaklah disifatkan bagi maksud-maksud seksyen-kecil (6) sebagai alamat pejabatnya sebagai ejen pilihanraya.”.

Pindaan
seksyen 13.

4. Seksyen 13 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan memotong perkataan “atau” di hujung perenggan (f) seksyen-kecil (1);
- (b) dengan menggantikan noktah di hujung perenggan (g) seksyen-kecil (1) dengan koma bertitik dan memasukkan, selepas sahaja koma bertitik itu, perkataan “atau”; dan
- (c) dengan memasukkan, selepas sahaja perenggan (g) seksyen-kecil (1), perenggan baru (h) yang berikut:

“(h) ia adalah seorang bankrap yang belum dilepaskan.”.

Pindaan
seksyen 19.

5. Seksyen 19 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan-perkataan “dua puluh” dalam perenggan (a) seksyen-kecil (1) dengan perkataan-perkataan “lima puluh”; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan-perkataan “lima belas” dalam perenggan (b) seksyen-kecil (1) dengan perkataan-perkataan “tiga puluh”.

Pindaan
seksyen 23.

6. Seksyen 23 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “pegawai yang hak” dalam baris kelima seksyen-kecil (1) dengan perkataan-perkataan “Pegawai Pilihanraya Negeri”.

7. Seksyen 24 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 24.

- (a) dengan menggantikan perkataan-perkataan “pegawai yang hak” dalam seksyen-kecil (1) dan (2) dengan perkataan-perkataan “Pegawai Pilihanraya Negeri”;
- (b) dengan menggantikan perkataan-perkataan “satu ringgit” dan “tiga puluh enam sen” dalam seksyen-kecil (2) masing-masingnya dengan perkataan-perkataan “dua ringgit” dan “lima puluh sen”; dan
- (c) dengan memotong perkataan-perkataan “dua puluh” dalam seksyen-kecil (2).

8. Seksyen 26 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 26.

- (a) dengan menggantikan perkataan-perkataan “dengan sesuatu tujuan” dalam seksyen-kecil (1) dengan perkataan-perkataan “bagi maksud sedemikian”;
- (b) dengan menggantikan seksyen-kecil (2) dengan yang berikut:
 - “(2) Tertakluk kepada peruntukan seksyen-kecil (5) tiada seorang pun boleh, sebelum hari mengundi, memberi atau membekalkan kepada atau untuk seseorang sesuatu artikel yang menunjukkan atau dapat menunjukkan, atau yang ada padanya atau yang mengandungi sesuatu yang menunjukkan atau dapat menunjukkan, sokongan bagi seseorang calon atau bagi pendapat politik atau lain-lain pendapat yang dilayani atau yang dikatakan sebagai dilayani oleh seseorang calon, dengan tujuan supaya ianya dipakai, dibawa atau digunakan oleh seseorang, dalam sesuatu bahagian pilihanraya, pada hari mengundi; dan tiada seorang pun boleh, dalam sesuatu bahagian pilihanraya, pada hari mengundi, memberi atau membekalkan kepada atau untuk seseorang, atau memakai, membawa atau menggunakan, apa-apa artikel yang sedemikian itu.”; dan

- (c) dengan menggantikan perkataan-perkataan “pegawai yang hak” dalam seksyen-kecil (4) dengan perkataan-perkataan “pegawai pengetua”.

Pindaan
seksyen 26A.

9. Seksyen 26A Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “pegawai yang hak” dalam perenggan (a) dan (c) seksyen-kecil (3) dengan perkataan-perkataan “pegawai pengurus”.

Pindaan
seksyen 26B.

10. Seksyen 26B Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan-perkataan “merayundi undi-undi atau” dalam seksyen-kecil (1), perkataan-perkataan “mengumpulkan, mengadakan atau”; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan-perkataan “pegawai yang hak” dalam seksyen-kecil (2) dengan perkataan-perkataan “pegawai yang menjaga sesuatu balai polis dalam bahagian pilihanraya atau kawasan pilihanraya yang berkenaan itu atau, jika tidak ada balai polis yang sedemikian, pegawai yang menjaga balai polis yang terdekat sekali”.

Pindaan
seksyen 30.

11. Seksyen 30 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “pegawai yang hak” dalam baris ketujuh selepas perenggan (b) seksyen-kecil (1) dengan perkataan-perkataan “Pegawai Pilihanraya Negeri”.

Pindaan
seksyen 33.

12. Seksyen 33 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan seksyen-kecil (1) dengan yang berikut:

“(1) Tiap-tiap petisyen pilihanraya hendaklah dibicarakan oleh Hakim Besar atau oleh seorang Hakim mana-mana Mahkamah Tinggi yang dinamakan oleh Hakim Besar bagi maksud itu:

Dengan syarat bahawa Hakim Besar tidak boleh menamakan seorang Hakim sesuatu Mahkamah Tinggi yang mana ia bukan Hakim Besarnya tanpa berunding dengan Hakim Besar Mahkamah Tinggi itu.”; dan

- (b) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan-perkataan “Mahkamah Tinggi” dalam seksyen-kecil (4), perkataan-perkataan “dan keputusan-nya adalah muktamad”.

13. Borang E dalam Jadual Pertama kepada Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan-perkataan “merayu undi dan”, perkataan-perkataan “mengumpul, mengadakan dan”. Pindaan
Borang E.

14. Kaedah-Kaedah Petisyen Pilihanraya 1954 dalam Jadual Kedua kepada Akta ibu adalah dipinda— Pindaan
Kaedah-
Kaedah
dalam
Jadual
Kedua.

- (a) dengan menggantikan perenggan (2) kaedah 12 dengan yang berikut :

“(2) Sekuriti yang dikehendaki oleh kaedah ini hendaklah diberi dengan suatu deposit wang yang tidak kurang daripada dua ribu ringgit, dan Hakim, dalam masa perbicaraan, boleh menghendaki sipetisyen supaya men-depositkan suatu jumlah wang tambahan sebagai sekuriti sebagaimana Hakim itu fikiran patut.”;

- (b) dengan menggantikan perkataan-perkataan “pegawai yang hak” di mana jua ianya terdapat dalam perenggan (1) kaedah 13 dengan perkataan “Pendaftar”;
- (c) dengan memotong perkataan-perkataan “dan resit itu hendaklah segera ditinggalkan di pejabat Pendaftar oleh sipetisyen” dalam perenggan (1) kaedah 13;
- (d) dengan memotong perkataan-perkataan “memfailkan resit itu dan” dalam perenggan (2) kaedah 13 dan memasukkan, selepas sahaja perkataan “amaun” dalam perenggan itu, perkataan-perkataan “deposit itu, nombor dan tarikh resit baginya,”; dan
- (e) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan “diadakan” dalam baris keempat belas kaedah 15, perkataan-perkataan “, atau yang ditampal pada papan kenyataan Mahkamah Tinggi di Negeri di mana bahagian pilihanraya atau kawasan pilihanraya itu terletak,”.

Peralihan.

15. Jika sebelum sahaja mula berkuatkuasanya Akta ini terdapat sesuatu perkara sentara berhubungan dengan sesuatu petisyen pilihanraya yang masih menunggu penyelesaian, peruntukan-peruntukan seksyen-kecil (4) seksyen 33 Akta ibu, sebagaimana dipinda oleh perenggan (b) seksyen 12 Akta ini, hendaklah terpakai bagi pemutusan perkara sentara itu.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan membuat berbagai pindaan kepada Akta Kesalahan Pilihanraya 1954.

2. *Fasal 2* bertujuan mengadakan dalam seksyen 2 Akta suatu takrif bagi "hari mengundi".

3. *Fasal 3* bertujuan memasukkan dua seksyen-kecil baru (5A) dan (6A), dalam seksyen 12 Akta. Sekiranya perlantikan seseorang ejen pilihanraya bagi seseorang calon itu ditarik balik atau sekiranya dia mati, seksyen-kecil (4) menghendaki seorang ejen pilihanraya lain dilantik segera dan nama dan alamatnya diisytiharkan secara bertulis kepada pegawai pengurus. Seksyen-kecil baru (5A) itu memperuntukkan bahawa, sehingga waktu itu, calon itu hendaklah disifatkan sebagai telah melantik dirinya sendiri sebagai ejen pilihanraya. Seksyen-kecil baru (6A) menentukan alamat pejabat ejen pilihanraya jika seseorang calon itu disifatkan sebagai ejen pilihanrayanya sendiri.

4. Seksyen 13 Akta dipinda (*fasal 4*) supaya menambahkan seseorang bankrap yang belum dilepaskan kepada senarai orang-orang yang hilang kelayakan bagi dilantik sebagai ejen pilihanraya, ejen tempat mengundi atau ejen mengira.

5. Seksyen 19 Akta dipinda (*fasal 5*) supaya meningkatkan had belanja pilihanraya yang dibenarkan bagi seseorang calon dari \$20,000 kepada \$50,000 dalam hal pilihanraya bagi Dewan Rakyat dan dari \$15,000 kepada \$30,000 dalam hal pilihanraya bagi sesuatu Dewan Negeri.

6. Di bawah seksyen 23 Akta, penyata berkenaan dengan belanja pilihanraya hendaklah diserahkan kepada "pegawai yang hak". *Fasal 6* bertujuan menentukan Pegawai Pilihanraya Negeri bagi menggantikan "pegawai yang hak". Berbangkit dari itu seksyen 24, yang berkaitan dengan seksyen 23, adalah dipinda dengan cara yang sama (*fasal 7 (a)*).

7. Di bawah seksyen-kecil (2) seksyen 24 Akta, bayaran bagi memeriksa dan membuat cabutan-cabutan daripada penyata dan pernyataan berkenaan dengan belanja pilihanraya ialah \$1.00 dan bayaran bagi membekalkan salinan-salinannya ialah 36 sen bagi tiap-tiap satu folio mengandungi 120 perkataan. *Fasal 7 (b) dan (c)* bertujuan meningkatkan bayaran-bayaran itu masing-masingnya kepada \$2.00 dan kepada 50 sen bagi tiap-tiap satu folio mengandungi 100 perkataan.

8. Seksyen-kecil (2) seksyen 26 Akta menegah perbuatan memberi, membekalkan, memakai, membawa atau menggunakan, berhubungan dengan hari mengundi, apa-apa bendera, merual, tetunggul, panji-panji, poster atau label sebagai "lencana parti". *Fasal 8 (b)* bertujuan menggantikan seksyen-kecil itu dengan satu peruntukan baru yang berbeza dengan peruntukan yang ada sekarang terutamanya dari segi liputan yang agak banyak diperluaskan bagi artikel-artikel yang menjadi perkara tegahan itu.

9. Di bawah seksyen kecil (4) seksyen 26 Akta, kewajipan memindahkan bendera-bendera, merual-merual, tetunggul-tetunggul, panji-panji, poster-poster dan label-label propaganda yang ditunjukkan dengan menyalahi undang-undang dekat tempat-tempat mengundi adalah terletak pada "pegawai yang hak". *Fasal 8 (c)* bertujuan menentukan pegawai pengetua bagi menggantikan "pegawai yang hak".

10. Di bawah seksyen-kecil (3) seksyen 26A Akta, "pegawai yang hak" lah yang boleh mengarahkan tentang pengenalan yang akan dipakai oleh orang-orang yang menjaga pejabat atau barung seseorang calon atau ejen pilihanrayanya. *Fasal 9* bertujuan menentukan pegawai pengurus bagi menggantikan "pegawai yang hak".

11. Seksyen 26B Akta menyekat perbuatan merayundi untuk mendapatkan undi atau berucap dalam perjumpaan-perjumpaan awam antara hari penamaan dan masa perisytiharan keputusan pilihanraya. *Fasal 10 (a)* bertujuan memasukkan juga perbuatan mengumpulkan dan mengadakan perjumpaan-perjumpaan awam dalam sekatan itu. Jika seseorang ejen pilihanraya membenarkan seseorang menjalankan aktiviti-aktiviti yang tersekat itu, dia dikehendaki oleh seksyen-kecil (2) seksyen 26B supaya menyerahkan tiga salinan kebenaran itu (dalam Borang E) kepada "pegawai yang hak". *Fasal 10 (b)* bertujuan meminda seksyen-kecil (2) supaya menghendaki salinan-salinan itu diserahkan di balai polis yang tertentu.

12. *Fasal 12 (a)* bertujuan menggantikan seksyen-kecil (1) seksyen 33 Akta dengan satu peruntukan yang akan membolehkan Hakim Besar melantik sebagai Hakim Pilihanraya seorang Hakim mana-mana Mahkamah Tinggi, walaupun Mahkamah Tinggi yang mana ia bukan Hakim Besarnya asalkan ia berunding dengan Hakim Besar Mahkamah Tinggi itu. *Fasal 12 (b)* bertujuan meminda seksyen-kecil (2) seksyen 33 supaya menjadikan muk-tamad keputusan seseorang Hakim Mahkamah Tinggi atas apa-apa perkara sentara (atau interlokutori) berhubung dengan sesuatu petisyen pilihanraya.

13. *Fasal 14* bertujuan meminda Kaedah-Kaedah Petisyen Pilihanraya 1954 yang terkandung dalam Jadual Kedua kepada Akta seperti berikut:

- (a) Untuk meningkatkan amaun sekuriti yang kena dibayar oleh seseorang sipetisyen dalam petisyen pilihanraya dari \$500 kepada \$2,000 dan untuk memberi kepada Hakim budibicara untuk menghendaki deposit tambahan. Pada masa ini deposit tambahan itu ditetapkan oleh perenggan (2) kaedah 12 menurut bilangan fuduhan dalam petisyen (*fasal 14 (a)*).
- (b) Untuk menjadikan Pendaftar Mahkamah Tinggi pegawai yang kepadanya sekuriti itu mesti dibayar. Pada masa ini di bawah kaedah 13 pegawai itu ialah "pegawai yang hak" (*fasal 14 (b)*).
- (c) Untuk mengadakan dalam kaedah 15 satu lagi cara bagi menyampaikan kepada seseorang calon yang berjaya notis mengenai pengemukaan petisyen pilihanraya jika calon itu tidak melantik seorang peguambela untuk bertindak bagi pihaknya atau memberi alamat untuk penyampaian, iaitu, dengan cara menampalkan notis itu pada papan kenyataan Mahkamah Tinggi (*fasal 14 (e)*).

14. Pindaan-pindaan lain adalah pindaan berbangkit atau pindaan kecil.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1161.]